

MINTA GAJI BESAR PUNCA GRADUAN GAGAL DAPAT KERJA

Oleh: Nurul Izzah binti Zulkupli, 1171776,

Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan(FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

(Disiarkan pada 11 Ogos 2020)



Nurul Izzah Zulkupli

Kadar pengangguran dalam kalangan graduan universiti di negara ini dilaporkan semakin meningkat setiap tahun.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada Januari 2018, kadar pengangguran meningkat sebanyak 15.19 juta berbanding hanya 15.15 juta penganggur pada bulan sebelumnya.

Malah, seramai 54,103 siswazah menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian.

Walaupun pelbagai program telah dilaksanakan seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), selepas tamat latihan mereka kembali menganggur.

Di manakah silapnya? Adakah berlakunya kesilapan dalam sistem pendidikan negara sehingga melahirkan graduan yang tidak berkualiti atau syarikat yang menetapkan syarat yang terlalu ketat atau masalah pada individu itu sendiri?

Faktor utama masalah ini berlaku adalah sikap graduan yang meminta gaji yang terlalu tinggi. Mereka memohon gaji seolah-olah mempunyai pengalaman bekerja selama bertahun-tahun.

Keluhan majikan mengenai sikap segelintir graduan yang meminta gaji dan faedah yang tidak realistik berbanding pengalaman bukan satu perkara baharu.

Seperti yang dinyatakan oleh kajian dalam laman sesawang pendidikan, EduAdvisor.my, sebanyak 68 peratus graduan meminta angka gaji dan faedah yang tidak realistik dan 30 peratus graduan mengharap gaji permulaan sebanyak RM6,500 sebulan.

Sikap itu menyebabkan majikan tidak berminat untuk mengambil mereka bekerja walaupun pemohon mempunyai ijazah.

Dalam satu kenyataan, Ketua Komunikasi Serantau Jobstreet.com, Simon Si berkata, graduan seharusnya tahu mengenai jumlah gaji berdasarkan pasaran kerja.

Kadangkala permintaan gaji yang tinggi itu diminta berdasarkan bidang kritikal seperti bidang farmasi walaupun pemohon tidak berpengalaman.

Ada juga syarikat tidak dapat memenuhi permintaan mereka kerana di luar kemampuan dan pada masa yang sama, graduan terbabit pula tidak mempunyai pengalaman setimpal dengan gaji yang diminta.



Majikan bersedia memberi gaji yang lumayan apabila seseorang pekerja mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.

Graduan universiti yang baru menamatkan pengajian kebiasaannya tidak mempunyai pengalaman bekerja.

Maka, adalah tidak logik jika majikan bersedia menawarkan gaji dan faedah yang tinggi untuk mereka.

Sebelum meletakkan jumlah gaji yang hendak dipohon, graduan dinasihatkan merujuk kepada jadual gaji yang digunakan oleh majoriti majikan.

Sebagai graduan yang kurang pengalaman bekerja, adalah kurang sesuai bagi mereka untuk meletakkan gaji yang terlampau tinggi dan memohon pelbagai faedah serta elaun.

Keadaan ini boleh menyebabkan bakal majikan menolak permohonan mereka bulat-bulat dan mungkin mereka tidak langsung dipanggil untuk sesi temuduga.